

05/06/2001

Umat Islam diajak kuasai fardu kifayah

KUALA LUMPUR, Isnin - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mengajak umat Islam menguasai ilmu yang bersangkutan dengan fardu kifayah supaya dapat melaksanakan ibadat dengan tenang dan selamat.

Seri Paduka menegaskan umat Islam tidak boleh leka dalam menghadapi cabaran besar akan datang, sebaliknya harus membuat persediaan dengan menguasai ilmu yang cukup supaya mudah menangkis serangan dan penaklukan orang yang berilmu dan cekap.

"Penguasaan ilmu pengetahuan sebagaimana yang dituntut Islam, bukan hanya terhad pada fardu ain semata-mata, malah ilmu yang bersangkutan dengan fardu kifayah.

"Tanpa pengamalan fardu kifayah, umat Islam tidak mungkin selamat dan dapat menunaikan fardu ain dengan tenang," titah baginda pada majlis sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra Bukit Jalil dekat sini, hari ini.

Hadir sama, Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Sambutan itu dimulakan dengan perarakan Maulidur Rasul pada jam 8 pagi dari Stadium Hoki Bukit Jalil ke Stadium Putra, yang diketuai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan beberapa menteri Kabinet lain.

Seri Paduka menjelaskan bahawa sambutan itu antara lain membolehkan umat Islam mengimbas kembali sejarah perjuangan dan pengorbanan Nabi Muhammad supaya menjadi pengajaran.

"Nabi Muhammad berhadapan dengan pelbagai dugaan dan cabaran, tetapi tabah menghadapinya semata-mata untuk menyampaikan perutusan Allah untuk kebaikan manusia.

"Pengalaman Nabi Muhammad memperlihatkan banyak rintangan dan halangan yang perlu diatasi dan boleh diatasi jika ada sifat tabah hati dan cekal, jujur dan sabar. Ini patut menjadi panduan dan mendorong kita menghadapi cabaran hidup," titahnya.

Sultan Salahuddin juga menjelaskan bahawa sambutan Maulidur Rasul diadakan sebagai tanda cinta umat Islam kepada Nabi Muhammad.

Bagaimanapun, titah baginda, cinta kepada Nabi akan hanya sempurna apabila umat Islam mengikuti ajaran yang disampaikan Rasulullah.

"Apabila kita benar-benar kasih kepada Nabi dan kasih kepada Allah, Allah akan kasih kepada kita dan mengampun dosa-dosa kita," titah Seri Paduka.

(END)